

BAHASA MANDARIN HARIAN



每日汉语

马来语 02



国家汉办/孔子学院总部
Hanban/Confucius Institute Headquarters



中国国际广播电台
CHINA RADIO INTERNATIONAL

中国国际广播出版社

BAHASA MANDARIN HARIAN

每日汉语

江苏工业学院图书馆
藏书章



目录 / KATALOG

第十三课 在中餐厅

Pelajaran Ke-13 Di Restoran China..... 1

第十四课 吃自助餐

Pelajaran Ke-14 Jamuan Bufet..... 11

第十五课 吃小吃

Pelajaran Ke-15 Berbual-bual tentang Makan 22

第十六课 家庭聚会

Pelajaran Ke-16 Berkumpul dengan Keluarga..... 33

第十七课 宴会

Pelajaran Ke-17 Menghadiri Jamuan..... 44

第十八课 在超市

Pelajaran Ke-18 Di Pasar Raya..... 54



目录 / KATALOG

第十九课 在水果市场

Pelajaran Ke-19 Di Pasar Buah-buahan 64

第二十课 在二手市场

Pelajaran Ke-20 Di Pasar Barang Terpakai 73

第二十一课 电话购物

Pelajaran Ke-21 Membeli Barang Melalui Telefon 82

第二十二课 在服装店


Pelajaran Ke-22 Di Kedai Pakaian 92

第二十三课 在商场

Pelajaran Ke-23 Di Kedai 103

第十三课 在中餐厅

Pelajaran Ke-13 Di Restoran China



C: Apa khabar, saudara pendengar. Selamat mengikuti rancangan “Bahasa Mandarin Harian”. Saya Cao Jie.

W: Saya Wenwen. Dalam rancangan yang lalu, kita telah bersama-sama belajar cara untuk berbual-bual tentang makanan segera dalam bahasa Mandarin. Sekarang mari kita ulang kaji apa-apa yang kita pelajari dalam pelajaran yang lalu.

C: Jika saudara ingin menanyakan seseorang mahu makan apa, saudara boleh tanyakan: 你想吃什么?

W: 你想吃什么?

C: 我想要一个汉堡, 还要一杯红茶。Ini bermaksud “Saya mahu satu burger dan juga secawan teh merah.”

W: Semasa itu, penjual akan bertanya 在这儿吃还是带走? yang bermaksud “Saudara mahu makan di sini atau bawa pulang?” Jika saudara mahu pergi ke bilik air, saudara boleh bertanya 请问, 洗手间在哪儿? yang bermaksud “Tumpang tanya, di mana bilik air?” 请你给我几张餐巾纸。 bermaksud “Sila memberi saya beberapa helai kertas kesat tangan.”

C: Sekarang mari kita dengar semula perbualan dalam pelajaran yang lalu.



完整对话 Perbualan Seluruhnya

对话一 Perbualan 1

A: 你想吃什么? Saudara mahu makan apa?

B: 我要一个汉堡, 还要一杯红茶。Saya mahu satu burger dan juga secawan teh merah.

对话二 Perbualan 2

A: 在这儿吃还是带走? Saudara mahu makan di sini atau bawa pulang?

B: 在这儿吃。Makan di sini saja.

对话三 Perbualan 3

A: 请问, 洗手间在哪里? Tumpang tanya, di mana bilik air?

B: 往前走, 左拐。Jalan terus, kemudian pusing kiri.

对话四 Perbualan 4

A: 请你给我几张餐巾纸。Sila beri saya beberapa helai kertas kesat tangan.

B: 好的, 您稍等。Baik, tunggu sekejap.

C: Baiklah, sekarang mari kita dengar beberapa ayat yang kita pelajari dalam pelajaran hari ini.



今日关键 Frasa Hari Ini

Nǐ men yǒu shén me tè sè cài?

你们有什么特色菜? Apa hidangan khas di

restoran ini?

Nǐ xū yào dāo chā ma?

你需要刀叉吗? Apakah saudara perlu menggunakan pisau dan garpu?

Qǐng wèn nǐ yào hóng chá ma?

请问你要红茶吗? Apakah anda mahu minum teh merah?

Wǒ men AA zhì ba.

我们 AA 制吧。Kita masing-masing membayar bil sendiri.

W: Biasanya, semasa makan di restoran China, kami akan bertanya 你们有什么特色菜? kepada pelayan, iaitu “Apa hidangan khas di restoran ini.” Sebab masakan China beraneka ragam, rasanya pun jauh berbeza di pelbagai tempat di China. Misalnya, masakan Sichuan agak pedas, manakala masakan Shanghai agak manis. Sebelum memilih hidangan, kita perlu tanya dulu apa yang kita mahu.

C: Betul. Mari kita dengar perbualan yang pertama.

对话一 Perbualan 1

A: 你们有什么特色菜? Apa hidangan khas di restoran ini?

B: 烤鸭。你喜欢吗? Itik panggang. Apakah saudara suka masakan ini.

A: 喜欢。Suka.

W: Itik panggang ialah masakan China yang sangat terkenal di seluruh dunia. Pelancong yang melawat Beijing pasti mahu mencuba masakan tersebut. Itik panggang dalam bahasa Mandarin ialah 烤鸭.

C: 你们有什么特色菜? Apa hidangan khas di restoran ini? “Ciri-ciri khas” dalam bahasa Mandarin ialah 特色.

W: 特色.

C: 菜 bermaksud “masakan”.

W: 菜.

C: Sekarang mari kita dengar perbualan kedua.

对话二 Perbualan 2

A: 你需要刀叉吗? Apakah saudara perlu menggunakan pisau dan garpu?

B: 不。我想试着用筷子。Tidak. Saya mahu cuba menggunakan sepit.

C: Sepit merupakan sejenis alat untuk makan yang sangat berciri khas China. Orang asing mungkin sukar menggunakan sepit untuk makan. Oleh sebab itu, pelayan China biasanya akan bertanya: 你需要刀叉吗? Apakah saudara perlu menggunakan pisau dan garpu?

W: “Pisau dan garpu” dalam bahasa Mandarin dikatakan

刀叉.刀 bermaksud “pisau”.叉 bermaksud “garpu”.

C: Teh merupakan minuman tradisi China. Jika saudara makan bersama orang China dan mahu menanyakan dia apakah mahu minum teh merah, saudara boleh berkata 请问你要红茶吗? Apakah anda mahu minum teh merah?

W: 请问你要红茶吗?

C: Sekarang kita dengar perbualan ketiga.

对话三 Perbualan 3

A: 请问你要红茶吗? Apakah anda mahu minum teh merah?

B: 我想尝尝中国绿茶。Saya mahu cuba teh hijau China.

C: 请问 bermaksud “tumpang tanya” dalam bahasa Mandarin. Orang China selalunya akan kata 请问 dulu sebelum bertanya kepada orang lain, tanda bersopan.

W: 请问。

C: “Teh merah” dalam bahasa Mandarin dikatakan 红茶 dan “teh hijau” dikatakan 绿茶.

W: 红茶, teh merah. 绿茶, teh hijau.

C: 请问你要红茶吗? Apakah anda mahu minum teh merah?

W: 请问你要红茶吗?

C: Semasa makan bersama di restoran, pemuda China

selalu juga membayar bil masing-masing. Jika saudara mahu membayar bil bersama-sama orang lain, saudara boleh berkata: 我们 AA 制吧。

Sekarang kita dengar perbualan keempat.

对话四 Perbualan 4

A: 我们 AA 制吧。Kita masing-masing membayar bil sendiri.

B: 下次吧。这次我买单。Lain kalilah. Kali ini saya bayar.

C: AA 制 bermaksud “masing-masing membayar bil sendiri”.

W: AA 制。

C: 吧 merupakan kata kosong di sini.

W: 吧。

C: 我们 AA 制吧。Kita masing-masing membayar bil sendiri.

W: 我们 AA 制吧。

C: Sekarang mari kita ulang kaji ayat-ayat yang kita pelajari hari ini. 你们有什么特色菜? “Apa hidangan khas di restoran ini?”

W: 你们有什么特色菜?

C: 你需要刀叉吗? Apakah saudara perlu menggunakan pisau dan garpu?

W: 你需要刀叉吗?

C: 请问你要红茶吗? Apakah anda mahu minum teh

merah?

W: 请问你要红茶吗?

C: 我们 AA 制吧。Kita masing-masing membayar bil sendiri.

W: 我们 AA 制吧。

C: Sekarang kita bersama-sama menghayati satu aspek dalam budaya China.




Panduan Tentang Budaya China

Masakan China sangat terkenal di dunia. Berdasarkan statistik, di China terdapat lebih 10 ribu jenis masakan yang berlainan. Di pelbagai tempat China beransur-ansur membentuk siri masakan yang sangat berciri tempatan. Antaranya terdapat lapan jenis siri masakan tempatan yang paling terkenal, iaitu masakan Shandong, masakan Sichuan, masakan Guangdong, masakan Jiangsu, masakan Zhejiang, masakan Fujian, masakan Hunan dan masakan Anhui. Siri masakan tempatan tersebut sangat berbeza dari segi rasanya. Misalnya, masakan Sichuan rasanya agak pedas, masakan Jiangsu agak manis dan Masakan Guangdong agak ringan.

Jiaozi ialah sejenis makanan ladu yang turun temurun diwarisi sejak lebih 1000 tahun di China dan merupakan sejenis makanan yang paling disukai oleh orang China.

Daging dan sayur cencang dimasukkan ke dalam kuih tepung beras dan dibuat menjadi Jiaozi. Jiaozi akan dimasakkan ke dalam air panas mendidih sehingga matang. Oleh kerana rupanya seperti mata wang emas dan perak pada zaman kuno China, orang China suka makan Jiaozi pada hari perayaan dan berharap dapat menjadi kaya.

W: Soalan untuk saudara hari ini ialah: bagaimanakah caranya mengucapkan “Kita masing-masing membayar



bil sendiri” dalam bahasa Mandarin?


C: Jika saudara mengetahui jawapannya, sila kirimkan jawapan itu kepada kami melalui e-mel atau surat. Alamat e-mel kami ialah mal@cri.com.cn.

W: Untuk mendapat maklumat lanjut tentang rancangan ini, silalah layari laman web kami, iaitu <http://malay.cri.cn>. Saya Wenwen.

C: Saya Cao Jie. Salam mesra dan jumpa lagi.

第十四课 吃自助餐

Pelajaran Ke-14 Jamuan Bufet



C: Apa khabar, saudara pendengar. Selamat mengikuti rancangan “Bahasa Mandarin Harian”. Saya Cao Jie.

W: Saya Wenwen. Dalam rancangan yang lalu, kita telah bersama-sama pergi makan di restoran masakan China. Sekarang mari kita ulang kaji apa-apa yang kita pelajari dalam pelajaran yang lalu.

C: Baik. Mari kita mulai dengan ayat ini, 你们有什么特色菜? yang bermaksud “Apa lauk yang istimewa di restoran ini?”

W: 你们有什么特色菜?

C: “Apakah anda memerlukan pisau dan garpu?” dalam bahasa mandarin ialah 你需要刀叉吗?

W: 你需要刀叉吗?

C: Jika awak ingin bertanya “apakah mahu minum teh merah?” awak boleh berkata 请问你要红茶吗?

W: 请问你要红茶吗?

C: Ayat yang terakhir dalam pelajaran lalu ialah 我们 AA 制吧 bermaksud “kita masing-masing membayar bil sendiri.”

W: 我们 AA 制吧. Baik, sekarang mari kita dengar semula perbualan dalam pelajaran yang lalu.



完整对话 Perbualan Seluruhnya

对话一 Perbualan 1

A: 你们有什么特色菜? Apa lauk yang istimewa di

restoran ini?

B: 烤鸭。你喜欢吗? Itik panggang. Apakah anda suka?

A: 喜欢。Suka.

对话二 Perbualan 2

A: 你需要刀叉吗? Apakah awak memerlukan pisau dan garpu?

B: 不。我想试着用筷子。Tidak. Saya mahu cuba pakai sepit.

对话三 Perbualan 3

A: 请问你要红茶吗? Apakah anda mahu minum teh merah?

B: 我想尝尝中国绿茶。Saya mahu cuba teh hijau China.

对话四 Perbualan 4

A: 我们AA制吧。Kita masing-masing membayar bil sendiri.

B: 下次吧。这次我买单。Lain kalilah. Kali ini saya bayar.

W: Baiklah, sekarang mari kita dengar beberapa ayat yang akan kita pelajari dalam pelajaran hari ini.